



**PANDUAN CERAMAH
BAGI TAHUN 2008/1429 HIJRIAH**

***“Membentuk Identiti Muslim Singapura:
Berdaya Tahan, Mengharungi Cabaran”***

Disediakan oleh
Pejabat Mufti,
Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS)

KANDUNGAN

Pendahuluan	3
<u>Bahagian Pertama</u>	
Panduan pengguna bahagian pertama	5
Pengenalan & objektif tema tahunan	6-8
<u>Bahagian Kedua</u>	
Panduan pengguna bahagian kedua	10
Pengenalan musim Zikral Hijrah, matlamat & pendekatan bagi perbincangan	11-14
Pengenalan musim Maulid, matlamat dan pendekatan bagi perbincangan	15-18
Pengenalan musim Isra` Mi`raj, matlamat dan pendekatan bagi perbincangan	19-21
Pengenalan musim Nisfu Sya`ban, matlamat dan pendekatan bagi perbincangan	22-24

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله وكفى و صلاة الله و سلامه على رسوله المصطفى و حبيبه المجتبي

و على آله و أصحابه و من اتبع الهدى

Pendahuluan

Ceramah di masjid-masjid seluruh Singapura merupakan di antara wadah strategik bagi penyampaian ilmu dan pengetahuan Islam. Ia merupakan satu tradisi ilmu yang perlu dipelihara dan diperkukuhkan demi memastikan ia kekal relevan. Pada tahun 2004, sebagai sebahagian daripada usaha Majlis Ugama Islam Singapura untuk menyelaraskan hala tuju dakwah di Singapura, panduan ringkas bagi isi ceramah-ceramah di masjid sepanjang tahun telah dimulakan.

Berlatarbelakang itu, Panduan Ceramah kini diberi struktur yang baru dan lebih terperinci. Panduan ini akan menerangkan secara terperinci tema bagi tahun ini serta matlamat-matlamat yang ingin dicapai daripada setiap siri ceramah, serta pendekatan perbincangan yang boleh diambil untuk merealisasikan matlamat-matlamat tersebut. Panduan ini mempunyai dua bahagian utama:

- i. **Bahagian Pertama** : Penerangan Tema Umum/Tahunan
- ii. **Bahagian Kedua** : Perincian Tema Musiman

BAHAGIAN PERTAMA

(Penerangan Tema Umum/Tahunan)

❖ BAHAGIAN PERTAMA ❖

1 Panduan pengguna bagi bahagian pertama:

- i. Bahagian pertama kertas rujukan ini merupakan pengenalan kepada **Tema Tahunan** dan matlamat yang ingin dicapai darinya.
- ii. Bahagian ini juga menerangkan empat (4) unsur yang menjadi fokus untuk setiap daripada empat (4) musim ceramah dalam setahun, yang dicerna dari Tema Tahunan bagi 1429H. Setiap unsur merupakan satu lingkungan fokus yang perlu dibangunkan oleh setiap individu Muslim di Singapura dan mampu membangunkan daya tahan masyarakat di dalam mengharungi cabaran masakini.
- iii. Tema dan matlamat yang ditentukan harus menjadi panduan bagi pegawai yang bertanggungjawab melakarkan program dakwah dan pendidikan di masjid untuk menyusun program-program ceramah serta memilih penyampai yang paling sesuai dengan topik yang telah ditentukan. Seterusnya, pegawai tersebut harus membincang dan menerangkan kepada penyampai tema dan matlamat untuk memastikan ceramah menepati isi kandungan yang ditentukan.
- iv. Ceramah bagi setiap musim harus mengukuhkan lagi serta meningkatkan kesedaran terhadap tema tahunan serta menonjolkan aspek aplikasinya di dalam kehidupan masyarakat.

2 Pengenalan Tema Tahun 1429 Hijriah

“Membentuk Identiti Muslim Singapura, Berdaya Tahan, Mengharungi Cabaran”

Di dalam dunia yang semakin mencabar, umat Islam tidak terlepas daripada cabaran untuk terus kekal relevan disamping memegang teguh pada prinsip-prinsip dan amalan agama. Kehidupan beragama mereka juga perlu disesuaikan dengan tuntutan semasa tanpa menggadai atau mengurangkan pemegangan teguh terhadap prinsip keimanan. Seajar dengan itu, tema **“Membentuk Identiti Muslim Singapura, Berdaya Tahan, Mengharungi Cabaran”** dipilih bagi tahun 1429 Hijriah. Tema ini juga didasari pesan Baginda Rasulullah S.A.W. yang berbunyi:


" و لكن و طئوا أنفسكم إن أحسن الناس أحسنوا و إن أسأؤوا فأحسنوا " (رواه الترمذي)

*“...Tetapi Hendaklah Kamu Teguhkan Pendirian Kamu.
Sekiranya Orang Ramai Baik, Kamu Akan Jadi Baik. Dan
Sekiranya Mereka Tidak Baik, Maka Perbaikilah Mereka.”
(Hadis riwayat At-Tirmizi)*

Masyarakat perlu disedarkan akan kepentingan membangun daya tahan daripada segala aspek kehidupan; dari sudut prinsip **keimanan, sosial, ekonomi dan ilmu pengetahuan**. Pembangunan ini harus berjalan seiringan dan merangkumi semua aspek kehidupan sosial, bermula dengan diri sendiri, diikuti oleh keluarga serta belia dan peringkat masyarakat. Ini dengan harapan agar masyarakat akan dapat menghadapi cabaran dengan persediaan yang lebih jitu.

Sesuai dengan ini, empat (4) unsur utama yang telah disebutkan di atas iaitu prinsip keimanan, sosial, ekonomi, ilmu & pemikiran akan dimuatkan ke dalam setiap musim-musim utama di dalam taqwim Islam; Zikral Hijrah, Maulid Nabi S.A.W., Isra` Mi`raj dan Nisfu Syaaban (*silalah lihat rajah di bawah*)

Rajah 1.0 : Gambaran tema serta isu-isu fokus sepanjang tahun hijrah 1429



3 Objektif Tema

Tema tahun ini harus merealisasikan matlamat-matlamat berikut:

- i. Meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap perkembangan tempatan dan global serta kesannya terhadap kehidupan mereka dan lantas menjadikan mereka masyarakat yang proaktif
Contohnya: Bagaimana globalisasi adalah satu fenomena dunia yang menjejaskan kehidupan manusia dari sudut sosial, ekonomi, pola fikir, kehidupan keagamaan dan aspek yang lain.
- ii. Memahami konteks kehidupan di Singapura yang mengamalkan dasar terbuka serta mampu menilai cara yang terbaik untuk menyesuaikan kehidupan keagamaan tanpa mengadai prinsip

- iii. Mampu bersikap optimis dan berfikiran strategik (terarah dan tersusun) di dalam menghadapi cabaran dengan mengambil kira semua aspek yang menyumbang kepadanya seperti penyebabnya, kuasa yang menjananya

- iv. Menyedari kepentingan membangun daya tahan dari sudut ilmu, spiritual, pemikiran serta ekonomi sebagai persediaan berdepan dengan cabaran

BAHAGIAN KEDUA

(Perincian Tema Musiman)

❖ BAHAGIAN KEDUA ❖

1 Panduan pengguna bagi bahagian kedua:

- ii. Perincian bagi empat musim (Zikral Hijrah, Maulid, Isra Mi`raj & Nisfu Syaaban) membahaskan matlamat setiap musim dan panduan bagi pendekatan perbincangan yang harus diambil di dalam menyampaikan sesebuah ceramah/kuliah.
- iii. Melihat kepada matlamat setiap musim sebagai salah satu komponen yang membantu untuk merealisasikan tujuan daripada tema tahunan.
- iv. Selain daripada menentukan matlamat bagi sesuatu musim, panduan di dalam pendekatan perbincangan harus diterapkan oleh penyampai di dalam menyampaikan ceramah yang dianjurkan. Panduan ini bertujuan untuk :
 - Menentukan arah perbincangan agar tidak tersasar daripada matlamat yang ingin dicapai
 - Memberikan panduan kepada pendekatan yang harus diambil di dalam membincangkan tajuk ceramah
 - Memastikan perbincangan relevan dan dapat diguna pakai di dalam kehidupan seharian masyarakat di semua peringkat
- v. Program masjid juga perlu diselaraskan dengan tema dan fokus musim tertentu. Contohnya pada musim hijrah, kita ingin membangunkan daya tahan keimanan masyarakat, maka pihak masjid boleh mengadakan program “Mengenali Allah melalui Ciptaan” dengan mengadakan lawatan ke taman simpanan dan menghayati kehebatan dan perincian ilmu Allah sambil beriadah. Papan-papan maklumat masjid juga dimuatkan dengan pengisian yang menyumbang kepada pencapaian matlamat musim tertentu.

**ZIKRAL HIJRAH 1429H
(10 Januari-19 Mac 2008)**

2 Pengenalan

Hijrah merupakan peristiwa yang membuktikan bagaimana keimanan yang teguh dan didasari keikhlasan dapat menjadi sumber motivasi yang kuat. Buktinya dengan hanya berbekalkan keimanan Rasulullah S.A.W. dan Saiyidina Abu Bakar R.A. meninggalkan harta dan tanah kelahiran yang mereka kasihi.

Sehubungan dengan itu, adalah disarankan agar ceramah dan syarahan sepanjang musim Zikral Hijrah ini memberikan tumpuan kepada pembentukan keimanan serta pengukuhan prinsip masyarakat Islam sesuai dengan semangat Hijrah yang menjadi lambang daya tahan dan keteguhan iman.

2.1 Matlamat bagi Zikral Hijrah

- ❖ Masyarakat harus mampu melihat tujuan keimanan di dalam kehidupan seharian
- ❖ Memastikan masyarakat mengetahui bagaimana mengukuhkan prinsip keimanan melalui pendekatan Al-Quran, Sunnah Rasulullah S.A.W. dan pengamatan dari dapatan kajian sains
- ❖ Mengenal pasti peranan prinsip yang kukuh di dalam membantu mereka menghadapi cabaran masakini.

2.2 Pendekatan Bagi Perbincangan

No.	Skop Perbincangan
1	<p data-bbox="277 352 657 384"><u>Pengukuhan keimanan</u></p> <ul data-bbox="277 405 1422 1371" style="list-style-type: none"><li data-bbox="277 405 1422 552">• Membentuk di dalam diri manusia kesedaran terhadap kewujudan Tuhan yang mentadbir lantas menyemai taqwa, keihlanan dan menjadi sebagai satu insentif untuk beramal<li data-bbox="277 625 1422 772">• Memandu arah tuju manusia didalam kehidupan, kerana tanpa tujuan, manusia akan bertindak tanpa memikirkan risiko dan kesannya, serta tidak akan mempunyai rasa bertanggungjawab.<li data-bbox="277 846 1422 1150">• Menyemai di dalam diri manusia kesanggupan berkorban untuk melaksanakan perintah Allah dan RasulNya yang didasari cinta kepada keduanya. <i>Contohnya tidak mudah tunduk kepada hawa nafsu dan pengaruh manusia yang mengajak kepada keburukkan, mampu menyesuaikan diri demi melaksanakan Islam di dalam apa jua keadaan.</i><li data-bbox="277 1224 1422 1371">• Menjadi satu rangka kerja yang mana masyarakat Islam dapat bersatu dan bergerak bersama menuju kepada kejayaan di dunia dan akhirat sekaligus menghormati perbezaan pendapat pada perkara <i>furu`</i> (cabang)
2	<p data-bbox="277 1449 609 1480"><u>Pengukuhan prinsip</u></p> <ul data-bbox="277 1554 1422 1854" style="list-style-type: none"><li data-bbox="277 1554 1422 1701">• Membincangkan ayat-ayat Al-Quran yang mengajak manusia untuk menghayati dan menghargai kewujudan Allah melalui pengamatan terhadap ciptaanNya.<li data-bbox="277 1774 1422 1854">• Menguasai ilmu tauhid serta ilmu moden lain seperti sains sekaligus membudayakan pencarian ilmu sepanjang hayat.

	<ul style="list-style-type: none"> • Memperkenalkan konsep berzikir, berfikir dan bertadabbur <i>Contohnya mengingat Allah S.A.W. dengan disertai analisa dan muhasabah terhadap banyaknya nikmat yang telah dikurniakan Allah meskipun dosa yang bertimbun, mentadabburi Al-Quran dengan memberikan contoh-contoh bagaimana ajaran Al-Quran dapat diterjemahkan ke dalam kehidupan seharian</i> • Perlunya masyarakat Islam kepada pengukuhan prinsip agar dapat hidup beragama dengan selesa di dalam dunia yang konteksnya berubah dengan pesat. • Prinsip juga perlu dihidupkan dengan ruh keikhlasan, kejujuran serta kasih terhadap Allah S.A.W. dan RasulNya sebagai pembawa risalah Islam
3	<p><u>Prinsip keimanan di dalam kehidupan</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Keimanan sebagai sumber ketenangan apabila menghadapi tekanan ataupun masalah. <i>Contohnya, dengan berpandukan konsep tawakkal dan keyakinan pada bantuan Allah, masyarakat akan lebih tabah menghadapi kegagalan dan lebih optimis di dalam menghadapi cabaran dan tidak melihatnya sebagai satu hambatan</i> • Keimanan sebagai sumber motivasi <i>Contohnya, kerana keyakinan bahawa Allah akan memberi ganjaran kepada setiap kebaikan yang kecil, masyarakat seharusnya memberikan yang terbaik di dalam apa jua lapangan kerja.</i> • Prinsip yang kukuh amat diperlukan untuk mengatasi ajakkan kepada keburukan di setiap peringkat umur. <i>Contohnya, dengan prinsip yang kukuh anak remaja tidak akan mudah terjebak ke dalam kancah gejala sosial, dengan prinsip yang kukuh</i>

	<p><i>masyarakat tidak mudah terpengaruh dengan fahaman sesat dan ekstrim yang ada di medan media baru (New Media)</i></p> <ul style="list-style-type: none">• Dengan prinsip yang kukuh, masyarakat dapat membuat pertimbangan yang jelas dan saksama tanpa dipengaruhi emosi.
--	---

MUSIM MAULID NABI S.A.W. 1429H
(20 Mac-29 July 2008)

3 Pengenalan

Maulid merupakan hari yang menjadi saksi kepada kelahiran Nabi S.A.W. yang tercinta. Pada hari ini lahirlah pembawa obor Islam yang mana risalahnya antara lain bertujuan untuk mewujudkan sistem sosial yang berpandukan wahyu ilahi. Di tengah-tengah kesesatan dan kelemahan insan, Nabi Muhammad S.A.W. telah diutus untuk membangunkan satu masyarakat contoh yang menjadi ukur tara bagi masyarakat akan datang.

Sesuai dengan tujuan ini, diharapkan bahawa musim maulid kali ini dapat menyedarkan masyarakat akan kepentingan menangani cabaran sosial dengan bersama sebagai satu masyarakat. Usaha-usaha individu ataupun badan-badan tertentu sahaja tidak akan dapat mengatasi masalah sosial yang melanda dan semakin meruncing.

3.1 Matlamat Yang Ingin Dicapai

- ❖ Mempelajari serta mengaplikasikan nilai-nilai murni yang ditonjolkan oleh Baginda Rasulullah S.A.W serta sahabatnya.
- ❖ Memastikan bahawa masyarakat sedar akan kepelbagaian masalah sosial, penyebabnya dan jalan keluar yang memerlukan perancangan yang teliti.
- ❖ Pemahaman masyarakat akan pengaruh kehidupan sosial di dalam membentuk kehidupan keagamaan mereka.
- ❖ Menyedari hakikat konteks kehidupan di Singapura sebagai negara sekular dan kebaikan yang boleh diraih daripadanya.
- ❖ Kesedaran masyarakat terhadap kelebihan yang boleh diraih daripada interaksi di peringkat sosial.

3.2 Pendekatan Bagi Perbincangan

No.	Skop Perbincangan
1	<p data-bbox="285 352 667 384"><u>Masalah Sosial Semasa</u></p> <ul data-bbox="326 457 1419 1808" style="list-style-type: none"><li data-bbox="326 457 1419 489">• Mengenal pasti jenis masalah sosial, contohnya:<ul data-bbox="326 510 1419 709" style="list-style-type: none"><li data-bbox="326 510 1419 541">- Pergaulan bebas, jumlah anak luar nikah yang meningkat<li data-bbox="326 562 1419 594">- Krisis identiti yang menyebabkan penghakisan jatidiri<li data-bbox="326 615 1419 646">- Perjudian, jenayah,<li data-bbox="326 667 1419 699">- Keluarga pincang, berantakan dan berpendapatan rendah<li data-bbox="326 730 1419 825"><i>(Adalah wajar sekiranya statistik tertentu ataupun pengalaman sebenar (life experience) dikongsi bersama jemaah)</i><li data-bbox="326 898 1419 1150">• Masyarakat harus difahamkan akan kepentingan memahami penyebabnya, kuasa yang menjana dan pihak yang dapat membantu memberi nasihat serta melakarkan rancangan yang teratur bagi menanggulangnya sekaligus mendidik pemikiran strategik di kalangan masyarakat<li data-bbox="326 1224 1419 1371">• Membincangkan nilai-nilai positif di dalam Al-Quran dan Sunnah yang perlu dibudayakan di kalangan masyarakat dan cara membudayakannya. Contohnya bagaimana hubungan suami isteri serta<li data-bbox="326 1444 1419 1591">• Membincangkan bagaimana Rasulullah S.A.W. dan para sahabat serta individu contoh masakini mengatur kehidupan sosial kekeluargaan dan kemasyarakatan dengan membawa contoh dari sunnah<li data-bbox="326 1665 1419 1808">• Keperluan membangun kekuatan minda dan spiritual untuk memastikan daya tahan emosi dan tidak mudah terpengaruh dengan unsur negatif dari sekeliling.

Kehidupan Sosial Singapura

- Bagaimana kehidupan sosial dan globalisasi mempengaruhi kehidupan keagamaan.

Contohnya:

- *Pertimbangan (muwazannah) sosial yang perlu diambil kira apabila mengambil satu keputusan ataupun melakukan aktiviti,*

- *Dengan aspirasi menjadi bandar global, Singapura akan didatangi pendatang dengan pemahaman serta budaya agama Islam yang berbeza, bagaimanakah masyarakat Islam setempat dapat mengukuhkan pegangan mereka disamping berinteraksi dalam keadaan harmonis.*

- Kepentingan cara menerangkan pendapat serta pegangan Islam kepada yang bukan Islam dengan cara yang berkesan.

- Membincangkan kelebihan berinteraksi dan mempelajari daripada masyarakat lain dan bagaimana ia merupakan satu sunnah Rasulullah dan amalan ummat Islam.

Contohnya penggalan khandaq dan penggunaan sistem dawawin pada zaman Saiyidina Umar yang mana kedua-duanya diambil daripada adat Parsi, Saiyidina Umar memperkenalkan sistem dawawin

- Penerangan mengapa sifat rahmah dan ihsan buat semua harus diterjemahkan ke dalam kehidupan sosial masyarakat Islam di Singapura.

Contohnya: Menonjolkan kelebihan yang boleh diraih daripadanya dari sudut keharmonian kaum yang lantas membawa kepada kestabilan negara dan kemajuan ekonomi

3

Peranan Masyarakat di dalam mewujudkan daya tahan sosial

- Kepentingan bergerak bersama di dalam menghadapi cabaran
Contohnya: Menyemai semangat relawanan, menyokong usaha murni badan-badan kebajikan setempat di dalam projek sosial,
- Masyarakat menyediakan sistem sokongan bagi yang memerlukan
Contohnya: Selain daripada hanya memberi bantuan kewangan, masyarakat boleh membantu keluarga berpendapatan rendah dengan menawarkan peluang pekerjaan ataupun menyokong usaha mereka untuk menjana dana daripada khidmat
- Kewajipan masyarakat untuk menggerak dan merangsang pengislahan dengan mewujudkan persekitaran yang menggalakkan kebaikan.

ISRA` DAN MIKRAJ 1429H (30 Julai-16 Ogos)

4.1 Pengenalan

Isra` dan Mikraj merupakan salah satu peristiwa terpenting di dalam sejarah Islam. Ia telah menjadi saksi kepada tanda-tanda kenabian yang besar di mana Rasulullah S.A.W bertemu Allah Azza Wa Jalla dan menerima perintah ibadah solat. Daya tahan Rasulullah S.A.W. serta kesungguhannya di dalam mendapatkan keringanan untuk ummatnya adalah satu sikap yang harus dicontohi oleh ummat Islam di dalam pengembaraan ilmu mereka.

Masyarakat Islam harus bersikap terbuka di dalam menghadapi cabaran dan disamping itu memperkukuhkan prinsip dengan pencarian ilmu agar tidak mudah terpengaruh dengan aliran pemikiran masa kini yang mencabar pegangan dan kepercayaan mereka.

4.2 Matlamat yang ingin dicapai

- ❖ Kesedaran kepada kepentingan ilmu agama dan moden untuk membantu menyelaras kehidupan sosial sesuai dengan tuntutan kehidupan keagamaan serta aplikasinya di dalam kehidupan seharian
- ❖ Keperluan membuat keputusan yang berpandukan penguasaan ilmu yang dalam dan teliti mengambil kira tuntutan semasa serta berdasarkan pengetahuan tentang perkembangan setempat dan global bukan emosi
- ❖ Menyemai budaya mencari ilmu yang pelbagai sepanjang hayat dan tidak mudah berasa puas dengan yang sudah diperolehi.

4.2 Pendekatan Bagi Perbincangan

No.	Skop Perbincangan
1	<p data-bbox="282 310 667 344"><u>Penghayatan nilai ilmu</u></p> <ul data-bbox="326 422 1422 674" style="list-style-type: none"><li data-bbox="326 422 1422 506">• Membincangkan kelebihan ilmu dan martabat penuntutnya dari perspektif hadith dan Al-Quran.<li data-bbox="326 590 1422 674">• Bagaimana ilmu telah membangun tamadun manusia dan kemudian membawa kesejahteraan kepada mereka. <p data-bbox="354 747 1422 831"><i>Contohnya: Tamadun Islam di Baghdad, Andalus kemudian disertai kemajuan ilmu tamadun selain Islam seperti di Yunan, Cina</i></p> <ul data-bbox="326 915 1422 1052" style="list-style-type: none"><li data-bbox="326 915 1422 1052">• Takrifan dan pembahagian ilmu di dalam Islam yang syumul. <i>Contohnya selain daripada ilmu alat, ilmu berkenaan perkembangan tempatan dan dunia juga perlu dikuasai.</i> <ul data-bbox="326 1136 1422 1325" style="list-style-type: none"><li data-bbox="326 1136 1422 1325">• Penghayatan ilmu dengan mengenali personaliti ulama dan cendekiawan Islam serta kisah pengembaraan ilmu mereka. <i>Contohnya: Pengumpulan hadith oleh perawi, penguasaan ilmuwan Islam terhadap ilmu sains, falsafah dan sains moden.</i> <ul data-bbox="326 1409 1422 1493" style="list-style-type: none"><li data-bbox="326 1409 1422 1493">• Membincangkan akhlak dan etika seorang penuntut ilmu dan keperluan kepada keakraban dan rasa hormat terhadap ilmu
2	<p data-bbox="282 1575 691 1608"><u>Ilmu di dalam kehidupan</u></p> <ul data-bbox="326 1682 1422 1881" style="list-style-type: none"><li data-bbox="326 1682 1422 1766">• Keperluan untuk membangun masyarakat berilmu berteraskan keimanan dan bukan hanya setakat berilmu<li data-bbox="326 1850 1422 1881">• Tips bagaimana menterjemahkan ilmu dan pengetahuan ke dalam

amalan kehidupan sosial dan esame ional seharian

- Budaya memanfaatkan ilmu, pengetahuan dan kemahiran melalui perkongsian bersama keluarga dan masyarakat.
- Bagaimana ilmu meningkatkan daya tahan spiritual serta minda ummat Islam agar tidak mudah dipengaruhi oleh anasir-anasir yang negative seperti pemahaman terrorisma, tekanan dari pergaulan (peer pressure) bagi remaja
- Jenis-jenis ilmu moden yang dapat membantu penghayatan agama

Contohnya ilmu pengamatan sains, ilmu kaji bumi (geology) sains kemasyarakatan (seperti sosiologi), peranan ilmu media baru (New Media) untuk menjadikan penyampaian agama lebih menarik dan berkesan.

- Keperluan untuk menggabungkan ilmu agama dan sains moden dengan kesedaran terhadap konteks dan tuntutan semasa bagi memastikan masyarakat Islam dapat menjalani kehidupan keagamaan dengan selesa.
- Keperluan menerima kepelbagaian pendapat sebagai sunnatullah dan bagaimana menghadapinya agar tidak menjejaskan hubungan sosial sesama masyarakat Islam serta masyarakat umum Singapura

NISFU SYAABAN 1429H

(17 Ogos - 31 Ogos 2008)

5 Pengenalan

Telah diriwayatkan bahawa Rasulullah S.A.W. memberikan lebih perhatian kepada ibadah puasa sunnah di bulan Syaaban lebih daripada bulan yang lain. Ini menjadi dalil kepada keistimewaan bulan Syaaban. Bulan yang merupakan wadah latihan di dalam menyambut Ramadhan. Dengan menggiatkan lagi ibadah di bulan Syaaban, kita dapat memahami daripada diri Rasulullah S.A.W. kepentingan meningkatkan daya tahan diri untuk menghadapi cabaran yang lebih hebat lagi.

Di dalam doa yang dibaca pada nisfu Sya`ban, kita memohon agar dimurahkan rezeki. Sesuai dengan itu dan mengambil kira kos kehidupan tinggi di negara Singapura yang mengamalkan dasar ekonomi terbuka serta keadaan global yang mewujudkan persaingan ekonomi yang hebat di kalangan penduduk perkampungan jagat, masyarakat Islam harus juga disedarkan akan kepentingan memiliki keutuhan ekonomi serta kemantapan kewangan bagi menjamin bahwa mereka tidak ketinggalan dan tersisih daripada kemajuan.

5.1 Matlamat yang ingin dicapai

- ❖ Kesedaran masyarakat kepada keperluan mengukuhkan kewangan agar dapat memperbaiki mutu kehidupan dari pelbagai aspek seperti pendidikan, sosial serta peringkat persaraan
- ❖ Menyedari bahawa Islam merupakan agama yang menyeru kepada kemantapan kewangan dan ekonomi. Contohnya melalui sistem perundangan muamalat, zakat, waqaf sedekah jariah.
- ❖ Memahami masyarakat akan kepentingan menggembiling tenaga, kewangan dan kepakaran untuk mengeluarkan anggota masyarakat daripada kancah kemiskinan

5.2 Pendekatan Bagi Perbincangan

No.	Skop Perbincangan
1	<p data-bbox="285 306 1427 348"><u>Kepentingan kemantapan kewangan dan keimanan</u></p> <ul data-bbox="321 422 1427 1058" style="list-style-type: none"><li data-bbox="321 422 1427 512">• Membincangkan dalil-dalil naqli yang menggalakkan pelaburan, semangat melabur untuk mendapatkan keuntungan yang halal <i>Contohnya: hadith yang mana Rasulullah S.A.W. berpesan agar kita tidak membiarkan harta simpanan kita dimakan zakat. Yang bermaksud untuk menggalakkan sifat pelaburan.</i><li data-bbox="321 747 1427 837">• Pendapat Islam terhadap kepentingan kewangan melalui ibadah zakat, waqaf, sedekah.<li data-bbox="321 911 1427 1058">• Membincangkan bagaimana membantu keluarga berpendapatan rendah bukan hanya melalui wang tetapi juga melalui perkongsian kepakaran dan sokongan emosi bagi mereka.
2	<p data-bbox="285 1129 1427 1171"><u>Kesan kemiskinan dan kesempitan hidup serta cara mengatasinya</u></p> <ul data-bbox="321 1245 1427 1898" style="list-style-type: none"><li data-bbox="321 1245 1427 1335">• Bagaimana kemiskinan menjejaskan kehidupan sosial, kekeluargaan dan kemasyarakatan. (كاد الفقر أن يكون كفرا) <i>Contohnya, tekanan yang berasal daripada kesempitan hidup akan menyebabkan ketegangan hubungan antara suami isteri dan menjejaskan kualiti kehidupan kekeluargaan. Kemiskinan juga boleh menjadi penyebab kepada keterbatasan di dalam mencapai kecemerlangan.</i><li data-bbox="321 1640 1427 1730">• Peranan iman yang teguh dan sokongan emosi serta persefahaman di dalam menangani dan mengharungi kesempitan hidup<li data-bbox="321 1803 1427 1898">• Peranan dan sokongan bersama masyarakat untuk mengeluarkan keluarga berpendapatan rendah daripada kancah kemiskinan

- | | |
|--|--|
| | <ul style="list-style-type: none">• Mengetengahkan contoh-contoh daripada sirah ataupun hadith yang menekankan kepentingan menabung, merancang kewangan contohnya bagaimana Rasulullah S.A.W. menyimpan gandum bagi keperluan asas keluarganya |
|--|--|

